

17 JUL 2001

Kongres-Pendidikan

KONGRES PENDIDIKAN MELAYU PERTAMA PADA 1 SEPT

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Sekumpulan tokoh Melayu sepakat untuk menganjurkan Kongres Pendidikan Melayu Pertama di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 1 dan 2 Sept ini, bagi menangani isu-isu besar dalam pendidikan Melayu.

Kongres itu terbuka kepada semua pihak yang terbabit dalam isu pendidikan Melayu tanpa mengira latarbelakang kehidupan dan pandangan politik.

Pengerusi kongres itu, Tengku Razaleigh Hamzah memberitahu sidang media di kediamannya di sini, enam kertas kerja yang menyentuh isu-isu besar dalam pendidikan Melayu masa kini dan masa depan akan dibentangkan.

Kertas kerja yang dicadangkan itu termasuklah Dasar dan Pelaksanaan Dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan oleh Prof Syed Othman AlHabshi, Pendidikan Agama Dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan (Ustaz Uthman El Muhammadi dan Dr Zainuddin Jaafar) dan Pretasi Pelajar Melayu (Dr Isahak Haron).

Tiga lagi kertas kerja ialah Memartabatkan Profesion Perguruan (Datuk Prof Ibrahim Bajunid) Pendidikan Tinggi - Sumbangan Kepada Pembangunan Negara (Dr Ismail Mohd Salleh) dan Pendidikan Vokasional dan Teknik untuk Melahirkan Tenaga Kerja Mahir dan Separa Mahir (Datuk Haji Mydin Mohd Shariff).

Tengku Razaleigh berkata, acara anjuran bersama Kongres Guru-guru Melayu Malaysia Barat dan Kumpulan Melayu Prihatin itu akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kami berharap kongres ini bukan sahaja mengurangkan jurang perbezaan pandangan di kalangan rakyat mengenai isu ini, tetapi juga dapat mencetuskan idea-idea baru demi kebaikan bersama," katanya.

Tengku Razaleigh berkata, jawatankuasa penganjur sependapat bahawa orang Melayu memerlukan persediaan yang kukuh dalam bidang pendidikan bagi membolehkan mereka menahan arus cabaran globalisasi.

Pihak penganjur mengenakan yuran penyertaan kepada mereka yang berminat iaitu RM50 bagi peserta individu, RM30 bagi peserta daripada wakil jabatan kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan serta RM20 bagi pertubuhan pelajar.

Mereka yang berminat menyertai kongres itu boleh menghubungi pejabat urusetia di alamat Tingkat 4, Bangunan KGMMB, 720, Jalan Sentul, Kuala Lumpur. Nombor telefon 03-4041 1723, nombor faks: 03-4041 7711/ 4041 1730.

-- BERNAMA

AFY ZS PR